

## FALCONSTOR SOFTWARE, INC. KOD TATAKELAKUAN

### Pernyataan Prinsip-Prinsip

Tatakelakuan setiap pekerja merupakan sebahagian daripada aset FalconStor Software, Inc. yang paling penting – keutuhan integriti. Reputasi FalconStor dicerminkan melalui etika dan tatakelakuan setiap pekerjanya. Adalah menjadi tanggungjawab setiap pekerja untuk menjaga dan mengekalkan reputasi cemerlang Syarikat.

Kod Tatalaku (“Kod”) ini mengemukakan prinsip-prinsip asas FalconStor. Pematuhan kepada prinsip-prinsip Kod adalah penting bagi mengekalkan nama baik FalconStor dan mendorong kejayaannya dalam persaingan dunia perniagaan. Kod ini perlu difahami oleh semua pekerja kerana ia mengutarakan jenis-jenis tatakelakuan yang boleh membawa kepada hukuman jenayah dan/atau sivil bagi mana-mana pekerja yang terlibat dalam kesalahan tatakelakuan tersebut.

#### ***PATUHI UNDANG-UNDANG DAN POLISI FALCONSTOR***

FalconStor mentadbir perniagaannya menurut semua undang-undang yang berkenaan. Anda juga hendaklah memastikan bahawa kelakuan dan etika anda selaras dengan undang-undang yang ditetapkan. Pematuhan kepada peraturan dan undang-undang adalah jangkaan kami yang minimum. Integriti diri mungkin, dan sering, melibatkan standard yang lebih tinggi berbanding apa yang tertera di dalam sesuatu polisi atau undang-undang. Anda harus mengetengahkan sebarang soalan tentang garis-garis panduan ini atau permasalahan undang-undang kepada pengurus anda dan/atau Kaunsel Am.

Anda juga dikehendaki bertindak mengikut kaedah yang ditentukan di dalam polisi FalconStor. Polisi ini boleh didapati oleh semua pekerja sama ada secara elektronik di MyFalc atau melalui pengurus anda atau Kaunsel Am. Sesetengah polisi FalconStor diringkaskan untuk rujukan anda seperti di bawah.

Dalam sesetengah kes, polisi FalconStor mungkin merangkumi perkara-perkara yang tidak termaktub dalam undang-undang Amerika Syarikat atau negara-negara asing. Walau bagaimanapun, sebagai kakitangan FalconStor, anda dikehendaki mematuhi sepenuhnya polisi-polisi FalconStor dan Kod Tatakelakuan ini.

FalconStor memandang serius sebarang pelanggaran Kod. Kesalahan yang dilakukan oleh seseorang pekerja boleh menjejaskan reputasi dan kejayaan FalconStor serta memberi gambaran negatif kepada pekerja-pekerja lain. Oleh yang demikian, sebarang pelanggaran kod mungkin menyebabkan pelakunya dikenakan tindakan tegas oleh Syarikat, termasuk, antara lainnya, pemecatan.

#### ***SIMPAN DAN SERAHKAN REKOD PERNIAGAAN DAN LAPORAN KEWANGAN YANG TEPAT DAN TELUS***

FalconStor mematuhi prinsip-prinsip dan standard perakaunan am, serta peraturan dan amalan-amalan yang berkenaan untuk laporan perakaunan dan kewangan. Bagi memenuhi tanggungjawabnya, Syarikat perlu bergantung kepada kebolehpercayaan pekerjanya bagi memastikan ketepatan penyata kewangannya. Data yang lengkap dan tepat hendaklah disimpan dan diserahkan kepada kakitangan Syarikat yang sewajarnya agar penyata kewangan Syarikat boleh membentangkan status kewangan dan perolehan operasinya dengan jelas. Mana-mana pekerja yang menyedari tentang apa-apa isi kandungan yang salah atau tertinggal yang boleh menjejaskan ketelusan atau ketepatan pembentangan penyata kewangan Syarikat adalah bertanggungjawab

untuk menggunakan segala usaha yang wajar untuk membetulkannya atau, jika gagal berbuat demikian, untuk melaporkannya dengan segera kepada pegawai Syarikat yang berkenaan. Laporan juga boleh dibuat melalui talian hotline Syarikat, seperti yang dinyatakan di atas.

Semua komunikasi dengan juruaudit luar Syarikat hendaklah dilakukan secara telus dan sempurna. Semua pekerja FalconStor hendaklah memberi kerjasama penuh kepada wakil-wakil juruaudit Syarikat dengan menyerahkan maklum balas yang cepat, tepat dan lengkap kepada semua soalan yang diajukan oleh wakil-wakil tersebut.

### ***JANGAN SALAH GUNA HARTA BENDA ATAU PERALATAN FALCONSTOR***

Penyalahgunaan harta benda FalconStor atau harta benda orang-orang lain yang berada di dalam simpanan, jagaan, atau kawalan FalconStor adalah dilarang sama sekali. Pengeluaran atau pengalihan apa-apa harta benda dari prasarana FalconStar bagi tujuan lain selain daripada kegunaan di dalam perniagaan FalconStor adalah dilarang, melainkan setelah diberi kebenaran khas oleh ketua jabatan yang berkenaan. Polisi ini juga berkuatkuasa terhadap harta benda seperti perabot, peralatan dan stok bekalan, dan juga harta benda yang dicipta, diperoleh atau diduplikasi oleh FalconStor bagi kegunaan eksklusifnya, seperti fail, bahan-bahan rujukan dan laporan, perisian komputer, sistem pemprosesan dan pangkalan data.

### ***HORMATI HAK MILIK INTELEK ORANG LAIN***

Semua pekerja hendaklah mematuhi peraturan dan undang-undang yang mentadbir hak dan perlindungan hak cipta, cap dagang, paten, rahsia perniagaan, dan semua bentuk hak milik intelek Syarikat atau individu lain.

Sepertimana yang ditetapkan di dalam Polisi Hak Cipta dan Penggunaan Perisian FalconStor, semua pekerja hendaklah menggunakan perisian dan maklumat kandungannya hanya mengikut syarat lesen-lesen yang berkaitan dan/atau terma penggunaan. Syarikat melarang penghasilan atau penggunaan salinan bahan-bahan berhak cipta yang tidak dilisenkan, termasuk perisian, dokumen, grafik, gambar, imej *clip art*, animasi, sedutan filem/video, bunyi dan muzik.

### ***LINDUNGI MAKLUMAT SULIT DAN PROPRIETARI FALCONSTOR***

Maklumat "Sulit" adalah maklumat yang dianggap peribadi oleh Syarikat dan yang tidak diketahui umum di kalangan orang-orang atau organisasi lain, dan yang mungkin bermanfaat untuk persaingan atau tujuan-tujuan lain. Maklumat "Proprietari" adalah maklumat yang dimiliki, dikembangkan, dibayar untuk dikembangkan, dikuasai, atau yang dimiliki hak eksklusifnya oleh Syarikat.

Sepanjang urusan perniagaan, pekerja mungkin akan terdedah kepada Maklumat Sulit atau Proprietari atau rahsia perniagaan Syarikat. Adalah amat penting untuk semua pekerja melindungi maklumat sedemikian dengan sebaik-baiknya. Pekerja juga hendaklah mematuhi syarat-syarat kerahsiaan yang dipersetujui bersama majikan sebelumnya dan tidak menggunakan atau berkongsi maklumat tersebut di Syarikat.

Semasa dan selepas tempoh penggajian pekerja dengan Syarikat, adalah menjadi suatu kesalahan sekiranya anda mendedahkan, menggunakan, menyebarkan atau membincangkan sebarang Maklumat Sulit, Proprietari atau rahsia perniagaan yang tersebut, melainkan jika ia dikehendaki oleh Syarikat. Pekerja juga dianggap melanggar polisi ini sekiranya mereka menggunakan Maklumat Sulit, Proprietari atau rahsia perniagaan bagi kepentingan peribadi pekerja itu sendiri, atau menggunakan maklumat sedemikian dalam apa-apa cara sekalipun yang bercanggah dengan kepentingan Syarikat.

Bahagian ini merangkumi tatakelakuan pekerja terhadap syarikat-syarikat lain, dan juga terhadap aktiviti-aktiviti pekerja dalam Syarikat. Walaupun seseorang pekerja disyorkan untuk memperoleh seberapa banyak maklumat tentang pasaran, dia hendaklah berbuat demikian menurut syarat-syarat polisi ini. Pekerja tidak boleh melibatkan

diri dalam situasi di mana maklumat sulit atau proprietari berjaya diperoleh melalui cara yang tidak wajar daripada syarikat lain. Jika seseorang pekerja ditawarkan sesuatu maklumat sulit yang diperoleh melalui cara yang tidak sah, pekerja tersebut hendaklah berbincang mengenai perkara ini dengan penyeliannya dan/atau jabatan perundangan Syarikat dengan serta-merta.

Segala fail, manual, laporan, nota, senarai dan rekod-rekod atau data milik Syarikat, dalam apa jua bentuk termasuk elektronik, adalah menjadi harta eksklusif Syarikat dan hendaklah dipulangkan apabila berakhirnya tempoh penggajian pekerja dengan Syarikat. Sebarang Maklumat Sulit, Proprietari atau rahsia perniagaan yang diketahui oleh pekerja akan terus bersifat kerahsiaan walaupun pekerja tidak lagi berkhidmat di Syarikat ini. Ia tidak boleh didedahkan atau digunakan untuk apa-apa tujuan selepas tempoh penggajian berakhir.

### ***BERLAKU JUJUR DALAM SEMUA KOMUNIKASI DENGAN PIHAK KERAJAAN***

Semua komunikasi di antara pekerja FalconStor dengan pegawai-pegawai kerajaan hendaklah dilakukan secara telus dan jujur. Syarikat tidak akan bertolak-ansur dengan sebarang kenyataan palsu (lisan atau bertulis) yang dibuat oleh mana-mana pekerjanya kepada agensi kerajaan – tempatan, negeri atau persekutuan. Ia juga melibatkan komunikasi daripada jabatan perundangan Syarikat berkaitan penyediaan dan penyerahan permohonan bagi pihak pekerja itu sendiri dengan sesebuah agensi kerajaan. Kenyataan salah yang sengaja diberikan kepada pegawai-pegawai kerajaan atau kenyataan palsu yang dibuat tanpa menghiraukan ketepatannya boleh mendedahkan Syarikat dan juga pekerja yang terlibat kepada hukuman sivil dan jenayah.

Apa-apa hubungan yang berlaku di antara Syarikat dengan agensi kerajaan hendaklah dimaklumkan kepada Kaunsel Am Syarikat. Sebarang penyiasatan kerajaan yang melibatkan Syarikat, walaupun ianya tidak rasmi, hendaklah dimaklumkan dengan segera kepada Kaunsel Am Syarikat. Penyiasatan sedemikian boleh berlaku dalam bentuk sapina, surat kunjungan, atau perbualan melalui telefon.

### ***JANGAN MEMBERI ATAU MENERIMA BAYARAN ATAU HADIAH YANG DIRAGUI***

Anda hendaklah menimbang dengan teliti sama ada untuk menawarkan atau menerima sebarang bayaran atau hadiah dalam sesebuah hubungan perniagaan. Peraturan berkaitan pemberian atau penerimaan bantuan dan hadiah adalah berbeza-beza mengikut situasi, dan anda hendaklah sentiasa memastikan kepatuhan kepada Kod ini dan kepada undang-undang, adat resam dan amalan tempatan. Dalam semua kes, keputusan berkaitan urusan perniagaan hendaklah dibuat berdasarkan merit sesuatu produk, perkhidmatan atau individu.

Berkenaan ***kakitangan bukan kerajaan***, pemberian hadiah adalah wajar hanya bagi tujuan untuk mewujudkan hubungan yang baik. Anda dilarang untuk menawarkan, menjanjikan, atau memberi hadiah bagi tujuan mempengaruhi atau menyebabkan penerimanya terhutang budi untuk menjalankan perniagaan dengan si pemberi. Sebagai contoh, anda tidak boleh meminta manfaat tertentu dalam sesebuah hubungan perniagaan dengan menawarkan penggunaan tempat penginapan (termasuk rumah persinggahan, tempat peranginan, rumah atau kondominium), kemudahan pengangkutan (termasuk kenderaan, bot atau kapal terbang), hadiah mewah atau hiburan, sumbangan dan amal, penajaan majlis atau acara, bantuan bagi mendapat pinjaman atau bayaran tunai (kesemuanya dirujuk sebagai "hadiah").

Melainkan dilarang oleh polisi pelanggan itu sendiri, dan dengan pematuhan kepada Polisi Perjalanan dan Hiburan Syarikat, adalah wajar untuk anda berbelanja bagi makanan dan hiburan pelanggan atau menjemput pelanggan ke acara sukan atau makan angin, dengan syarat perbelanjaan yang dikeluarkan untuk berbuat demikian adalah munasabah. Anda juga dibenarkan untuk memberi hadiah yang berpatutan kepada pelanggan sempena peristiwa atau majlis istimewa, selama mana hadiah tersebut tidak bertujuan sebagai alat untuk meminta, dan tidak mewujudkan tanggapan untuk meminta, sesuatu manfaat yang tertentu. Kekekapan dan penetapan masa bagi hadiah-hadiah sedemikian hendaklah sentiasa dipertimbangkan untuk mengelakkan tanggapan yang tidak wajar.

Anda juga boleh menjemput pelanggan ke seminar pendidikan atau latihan yang dianjurkan oleh FalconStor, tertakluk kepada kelulusan pihak pengurusan. Bagi acara sedemikian, FalconStor mungkin akan bersetuju untuk menanggung perbelanjaan perjalanan pelanggan dalam amaun yang munasabah serta memberi hadiah yang berkait dengan perniagaan pada harga yang berpatutan sebagai momento acara tersebut.

Berkenaan ***kakitangan kerajaan***, adalah menjadi suatu pelanggaran polisi FalconStor sekiranya anda menyediakan atau membayar, sama ada secara langsung atau tidak langsung, untuk apa-apa makanan, perjalanan, hiburan, penginapan atau hadiah. Melainkan dalam situasi-situasi yang amat terhad, pemberian sebarang bentuk ganjaran kepada seseorang kakitangan kerajaan boleh menyebabkan anda dan juga FalconStor dijatuhkan hukuman sivil dan jenayah.

**Sebarang bayaran atau hadiah, atau sebarang tawaran, janji, atau kebenaran untuk memberi bayaran atau hadiah kepada** individu yang bertindak secara rasmi untuk sesebuah kerajaan asing **yang bertujuan untuk mempengaruhi tindakan atau keputusan individu tersebut adalah dilarang sama sekali.** Anda harus mematuhi sepenuhnya Akta Amalan Rasuah Asing 1977, sepertimana pindaan. Sebarang pelanggaran akta ini boleh menyebabkan anda dan FalconStor dihadapkan dengan tindakan disiplin yang keras dan juga hukuman sivil dan jenayah yang berat.

FalconStor melarang keras sebarang amalan berbentuk rasuah, suapan balik dan peras ugut. Jangan meminta atau menerima sebarang bayaran atau wang. Jangan meminta atau menerima sebarang hadiah yang boleh menimbulkan tanggapan bahawa anda akan dipengaruhi atau berasa berkewajipan untuk mengadakan urusan perniagaan dengan si pemberi. Jika seseorang pelanggan atau pembekal menawarkan atau memberi anda sebarang bayaran atau hadiah yang boleh menimbulkan tanggapan sedemikian, anda hendaklah menolak tawaran itu, pulangkan wang atau hadiah tersebut dan segera maklumkan kepada pengurus anda dan Kaunsel Am.

Anda tidak boleh menggunakan dana FalconStor untuk memberi hadiah kepada pekerja lain.

Sebarang pemberian atau penerimaan hadiah tidak seharusnya menjejaskan reputasi FalconStor. Sebarang pemberian hadiah harus disedari sepenuhnya oleh pengurus anda. Adalah penting untuk semua laporan perbelanjaan merekodkan dengan tepat tentang hadiah-hadiah yang diberikan kepada pelanggan, pembekal, rakan-rakan niaga atau pihak-pihak ketiga yang lain bagi memastikan agar Syarikat mematuhi syarat-syarat percukaian dan laporan lain sebagaimana yang dikehendaki oleh undang-undang.

Kakitangan FalconStor tidak boleh meminta atau mendapat hadiah, hiburan atau manfaat, tanpa mengira nilai, daripada individu atau firma yang menjalankan, atau berpotensi untuk menjalankan, perniagaan dengan FalconStor. Mana-mana kakitangan juga tidak boleh bertindak melalui cara yang boleh meletakkan mana-mana vendor atau pelanggan dalam kedudukan di mana dia mungkin berasa berkewajipan untuk menyediakan hadiah, hiburan atau manfaat peribadi agar dia boleh menjalankan perniagaan atau terus menjalankan perniagaan dengan FalconStor. Semua pekerja dikehendaki melaporkan sebarang penerimaan hadiah yang bernilai lebih daripada satu ratus dolar (\$100.00) kepada Ketua Pegawai Kewangan Syarikat.

#### **BERLAKU JUJUR DAN TERBUKA DALAM SEMUA HUBUNGAN DENGAN VENDOR DAN PEMBEKAL**

Transaksi dengan vendor dan pembekal hendaklah dilakukan secara saksama (arms-length basis). Ini bermaksud bahawa syarat-syarat perlu wujud untuk transaksi yang kompetitif di antara dua pihak pembeli dan penjual yang rela. Bidaan kompetitif hendaklah dilakukan apabila perlu. Keputusan hendaklah dibuat berdasarkan kualiti, harga, ketersediaan produk dan perkhidmatan. Semua vendor dan pembekal hendaklah dilayan dengan adil, jujur dan telus. Polisi ini juga merangkumi semua perkhidmatan yang disediakan untuk Syarikat dan juga barangan yang digunakan oleh Syarikat. Selain itu, jika wakil vendor atau pembekal merupakan bekas pekerja, ahli keluarga atau rakan yang rapat, anda hendaklah memaklumkan perkara ini kepada pengurus anda.

#### **JANGAN SERTAI PEMULAUAN**

FalconStor mematuhi undang-undang Amerika Syarikat yang melarang penyertaan dalam aktiviti pemuluan antarabangsa yang tidak diiktiraf oleh kerajaan Amerika Syarikat.

#### **JANGAN MELANGGAR KAWALAN EKSPORT**

Bagi melindungi keselamatan nasional U.S., bagi melaksanakan polisi asing U.S., dan bagi melindungi sumber-sumber yang terhad, kerajaan Amerika Syarikat menghadkan eksport beberapa teknologi dan produk tertentu termasuk perisian komputer dan barangan teknikal serta data tertentu. Kami mematuhi dengan ketat setiap had

yang ditetapkan untuk pengeksportan dan pengeksportan semula sesuatu produk atau komponen produk, barangan, perkhidmatan, atau data teknikal Amerika Syarikat.

### **ELAKKAN KONFLIK KEPENTINGAN**

Aktiviti-aktiviti seseorang pekerja boleh, sama ada secara sengaja atau tidak sengaja, mencetuskan percanggahan kepentingan atau tanggapan yang tidak wajar. Anda hendaklah menumpukan sepenuh masa dan usaha terhadap FalconStor. Secara amnya, anda hendaklah mengelakkan sebarang aktiviti atau kepentingan peribadi yang boleh mewujudkan atau tampak seperti mewujudkan konflik kepentingan di antara anda dengan FalconStar; atau yang boleh menjejaskan, atau tampak seperti menjejaskan, keupayaan anda sebagai pekerja FalconStor dalam melaksanakan tugas anda dengan sempurna dan berkesan. Beberapa garis panduan bagi mengelakkan berlakunya konflik yang sebenar atau ketara termasuklah:

- Jangan, sama ada secara langsung atau tidak langsung, terlibat dalam sebarang aktiviti atau perniagaan yang boleh bersaing, walau dengan apa cara sekalipun, dengan FalconStor atau yang mungkin mencetuskan minat pesaing.
- Jangan wujudkan kepentingan kewangan dalam, atau terlibat dalam sebarang aktiviti atau perniagaan dengan mana-mana pembekal, pesaing, pelanggan, pengedar, atau organisasi lain yang boleh mencetuskan konflik kepentingan atau menjejaskan kesetiaan anda kepada FalconStor. Sebarang transaksi dengan mana-mana pembekal, pesaing, pelanggan, pengedar, atau organisasi lain hendaklah mematuhi syarat-syarat Polisi Kembara Bisnes dan Hiburan dan Bayaran Balik Perbelanjaan.
- Sentiasa berhati-hati jika rakan atau saudara anda diambil bekerja oleh pesaing atau pembekal FalconStor. Walaupun risiko terhadap kepentingan Falconstor berikutan hubungan sedemikian tampak tipis, anda hendaklah bersikap lebih teliti untuk mengelakkan sebarang pendedahan maklumat sulit secara tidak sengaja.
- Jangan terima sebarang kemudahan peribadi daripada FalconStor yang tidak dibenarkan dan diluluskan menurut polisi dan prosedur FalconStor, termasuk sebarang pinjaman atau jaminan tanggungan peribadi oleh FalconStor.
- Jangan mengambil bahagian secara perseorangan dalam mana-mana peluang perniagaan atau pelaburan yang anda ketahui melalui jawatan anda di FalconStor. Anda hendaklah mengemukakan sebarang peluang sedemikian kepada FalconStor dengan memaklumpkannya kepada pengurus anda.
- Jangan kaitkan FalconStor dengan, atau menyatakan sokongan FalconStor untuk, sebarang pertubuhan sivik, keagamaan, politik atau profesional tanpa kebenaran FalconStor. Selain itu, anda juga tidak dibenarkan untuk bercakap mengenai sebarang isu umum atau melakukan sebarang bentuk sumbangan dengan bertindak sebagai wakil FalconStor.
- Jika anda terlibat dalam pemilihan pembekal, pastikan anda berbuat demikian hanya berdasarkan harga, kualiti, prestasi dan kesesuaian sesuatu produk atau perkhidmatan. Jangan bersikap berat sebelah terhadap seseorang pembekal atas sebab-sebab yang boleh membayangkan tatakelakuan yang tidak wajar atau konflik kepentingan.

Oleh kerana fakta-fakta situasi di atas mungkin berbeza, anda hendaklah mendapat pengesahan daripada pengurus anda dan Kaunsel Am sebelum meneruskan sebarang aktiviti yang dianggap boleh mencetuskan konflik kepentingan. Sebagai contoh, sesuatu konflik mungkin akan timbul sekiranya anda menjadi ahli lembaga penasihat, lembaga pengarah syarikat lain atau lembaga piawai. Aktiviti-aktiviti ahli keluarga terdekat anda mungkin juga dianggap boleh mencetuskan konflik kepentingan. Anda juga harus mendapat nasihat daripada pengurus anda dan Kaunsel Am Counsel berkenaan aktiviti-aktiviti ini.

Jika anda menyedari berlaku sebarang transaksi atau hubungan yang dijangka boleh menimbulkan konflik kepentingan, anda hendaklah memaklumkan transaksi atau hubungan tersebut kepada Kaunsel Am.

### **LAYAN PEKERJA LAIN DENGAN HORMAT DAN BERMARUAH**

FalconStor menggalakkan persekitaran kerja yang bersifat berpasukan dan produktif dengan menyokong kepelbagaian budaya dan etnik tenaga kerjanya serta komited untuk menyediakan peluang pekerjaan yang adil kepada semua pekerja dan pemohon yang berkelayakan. Keputusan penggajian dibuat tanpa mengira bangsa, warna kulit, agama, jantina, kecenderungan seks, kewarganegaraan, usia, status perkahwinan, kecacatan atau ketidakupayaan fizikal atau mental individu, atau sifat-sifat sedemikian dalam ahli keluarga, rakan atau rakan niaga mana-mana individu.

Gangguan, sama ada secara sengaja atau tidak sengaja, tidak dibenarkan langsung dalam persekitaran kerja. FalconStor tidak akan bertolak-ansur dengan sebarang bentuk gangguan terhadap pekerja berdasarkan, sama ada yang sebenar atau yang diperhatikan, bangsa, warna kulit, agama, jantina, kecenderungan seks, kewarganegaraan, usia, status perkahwinan, kecacatan atau ketidakupayaan fizikal atau mental individu, atau sifat-sifat sedemikian dalam ahli keluarga, rakan atau rakan niaga mana-mana individu. Semua pekerja hendaklah mematuhi Polisi Pencegahan Gangguan dan Diskriminasi FalconStor.

### **JANGAN TERLIBAT DALAM PERDAGANGAN SAHAM ORANG DALAM**

Semua pekerja dilarang daripada membeli atau menjual saham-saham awam FalconStor atau mana-mana syarikat lain sekiranya mereka memiliki maklumat penting yang tidak disebarikan kepada umum tentang syarikat tersebut. Semua pekerja adalah tertakluk kepada Polisi Syarikat mengenai Perdagangan Saham FalconStor Software, Inc. Sebarang soalan berkaitan belian atau jualan sebarang saham hendaklah diajukan kepada Kaunsel Am Syarikat.

### **PATUHI UNDANG-UNDANG PERSAINGAN**

FalconStor menghendaki pekerjaannya menjalankan perniagaan Syarikat dengan mematuhi sepenuhnya undang-undang persaingan dan undang-undang perdagangan persekutuan, negeri dan antarabangsa yang berkaitan.

Semua keputusan perniagaan hendaklah dibuat sendiri oleh FalconStor dan bukannya diperoleh berdasarkan keputusan kumpulan yang melibatkan pesaing. Undang-undang persaingan yang sentiasa berkembang menyebabkan tiada garis panduan yang benar-benar lengkap boleh diguna pakai bagi menangani setiap situasi yang tertakluk di bawah undang-undang ini. Oleh yang demikian, garis-garis panduan ini bertujuan hanya untuk mengetengahkan bahagian-bahagian yang berpotensi menimbulkan masalah kepada pekerja. Pekerja hendaklah mendapat nasihat daripada Kaunsel Am Syarikat bilamana mereka berhadapan dengan sesuatu situasi yang mungkin berpotensi menimbulkan persoalan mengenai persaingan.

Aktiviti-aktiviti berikut melibatkan risiko pendedahan persaingan yang serius dan hendaklah disemak terlebih dahulu dengan Kaunsel Am FalconStor:

- Perjanjian dengan mana-mana pesaing mengenai jenis-jenis perniagaan yang akan dijalankan oleh Syarikat, terma-terma yang perlu dipatuhi oleh Syarikat dalam menjalankan perniagaannya, harga yang akan dicaj oleh Syarikat, pelanggan yang akan diberi khidmat oleh Syarikat atau produk yang akan ditawarkan oleh Syarikat.
- Perjanjian dengan mana-mana individu di luar Syarikat untuk mengelakkan sebarang urusan dengan atau memulaukan mana-mana individu atau kumpulan pelanggan atau pembekal yang berpotensi.
- Menghadiri mesyuarat pertubuhan atau kumpulan perniagaan tanpa agenda yang diluluskan.
- Keengganan untuk menjual satu produk atau perkhidmatan melainkan pelanggan itu juga bersetuju untuk membeli satu lagi produk atau perkhidmatan atau keengganan untuk membeli satu produk atau perkhidmatan melainkan penjual bersetuju untuk membeli produk atau perkhidmatan lain daripada Syarikat.

## **PATUHI UNDANG-UNDANG TEMPATAN**

FalconStor mengiktiraf dan menghormati kepelbagaian budaya, adat resam dan amalan perniagaan yang wujud di pasaran global. FalconStor mematuhi undang-undang dan peraturan Amerika Syarikat yang mentadbir operasinya dan juga undang-undang tempatan di mana ia beroperasi. Sekiranya seseorang pekerja beranggapan pada bila-bila masa bahawa sesuatu konflik wujud di antara undang-undang dan peraturan Amerika Syarikat dengan undang-undang tempatan yang bersabit dengan perniagaan FalconStor, dia hendaklah segera menghubungi Kaunsel Am Syarikat.

## **Skop dan Penguatkuasaan Kod**

**Skop Kod.** Kod ini berkuat kuasa ke atas FalconStor Software, Inc., semua subsidiari atau afiliat yang mana FalconStor memiliki, sama ada secara langsung atau tidak langsung, lebih daripada 50 peratus lebihan undi dan juga semua pengarah, pegawai dan pekerja di setiap syarikat di atas. Semua rujukan kepada “FalconStor” atau “Syarikat” merangkumi FalconStor Software, Inc., dan semua subsidiari dan afiliatnya. Semua rujukan kepada “pekerja” merangkumi pengarah, pegawai, dan pekerja FalconStor dan semua subsidiari atau afiliatnya.

**Pematuhan Kod.** Kegagalan untuk membaca dan/atau mengakui Kod ini tidak mengecualikan seseorang pekerja daripada bertanggungjawab untuk mematuhi Kod ini, undang-undang, peraturan yang berkenaan, serta semua polisi dan garis panduan FalconStor yang berkaitan dengan tugasnya.

Kod ini tidak bertujuan untuk meliputi setiap isu atau situasi yang mungkin akan dihadapi oleh seseorang pekerja. Kod ini juga bukan merupakan pengganti polisi dan garis panduan lain yang lebih terperinci. Pekerja harus menggunakan Kod ini sebagai panduan rujukan di samping polisi dan garis-garis panduan FalconStor, termasuk Buku Panduan Pekerja, yang diperlukan bagi setiap tugas tertentu.

**Pelaksanaan Kod.** Jika anda memerlukan butiran mengenai polisi tertentu, anda boleh menghubungi Kaunsel Am, Pengarah Sumber Manusia, atau Ketua Pegawai Kewangan Syarikat.

**Penguatkuasaan dan Pelaporan Pelanggaran Kod.** Tanggungjawab untuk menguatkuasakan Kod ini merangkumi seluruh kakitangan Syarikat. Semua pengurus bertanggung jawab untuk menguatkuasakan Kod ini dalam jabatan masing-masing. Pekerja hendaklah segera melaporkan sebarang insiden yang mungkin melibatkan pelanggaran Kod kepada Pengarah Sumber Manusia Syarikat. Laporan juga boleh dibuat melalui talian hotline pematuhan undang-undang Syarikat:

Maklumat boleh diserahkan seperti berikut:

*Web:* <http://falconstor.alertline.com>. Laman web ini disediakan dalam bahasa Inggeris dan juga bahasa Cina.

*Telefon:* 1-888-690-3865. (Pekerja dari negara-negara selain Amerika Syarikat perlu mendial kod laluan AT&T tempatan terlebih dahulu). Talian hotline suara disediakan dalam 140 bahasa.

Kedua-dua talian hotline tersedia 24 jam sehari, 7 hari seminggu, 365 hari setahun. Talian-talian hotline ini dikendalikan oleh pihak ketiga dengan jaminan nama pemanggil yang dirahsiakan sepenuhnya.



Rungutan yang dikemukakan akan dirujuk kepada kakitangan yang ditentukan wajar atau sepertimana yang dikehendaki menurut arahan Jawatankuasa Audit. Satu salinan rungutan berkaitan isu-isu perakaunan, kawalan perakaunan dalaman atau audit akan dihantar kepada Jawatankuasa Audit untuk semakan semula.

**Perlindungan daripada Tindakan Balas.** Syarikat komited untuk menyediakan sebuah tempat kerja di mana perbincangan yang terbuka mengenai amalan perniagaannya boleh diadakan. Adalah menjadi polisi Syarikat untuk mematuhi semua undang-undang yang melindungi pekerja daripada diskriminasi atau tindakan balas yang menyalahi undang-undang, yang dikenakan oleh majikan susulan daripada maklumat atau laporan pekerja yang sah menurut undang-undang berkenaan, atau penyertaan pekerja dalam penyiasatan yang melibatkan dakwaan penipuan korporat atau dakwaan pelanggaran undang-undang negeri atau persekutuan lain oleh Syarikat atau ejen-ejennya. Secara khususnya, polisi Syarikat menghalang mana-mana pekerja daripada dikenakan tindakan disiplin atau tindakan balas oleh Syarikat atau mana-mana pekerjanya atau ejen-ejennya susulan daripada tindakan seseorang pekerja:

- mendedahkan maklumat kepada agensi kerajaan atau penguatkuasaan undang-undang, di mana pekerja mempunyai sebab munasabah untuk mempercayai bahawa maklumat tersebut melibatkan pelanggaran atau kemungkinan berlakunya pelanggaran undang-undang negeri atau persekutuan; atau
- mendedahkan maklumat, menyebabkan maklumat didedahkan, memfailkan, menyebabkan maklumat difailkan, memberi keterangan, terlibat dalam prosiding yang difailkan atau akan difailkan, atau membantu sesuatu siasatan atau prosiding berkenaan sebarang tatakelakuan yang diyakini secara munasabah oleh pekerja telah melibatkan pelanggaran:

- undang-undang jenayah persekutuan berkaitan penipuan saham, penipuan surat-menyurat, penipuan bank, atau penipuan kawat, radio dan televisyen.

atau

- mana-mana peraturan atau undang-undang Suruhanjaya Sekuriti dan Bursa,

atau

- mana-mana peruntukan undang-undang persekutuan berkaitan penipuan terhadap pemegang-pemegang saham,

atau

- Kod ini,

di mana, berhubung dengan penyiasatan yang berlangsung, maklumat atau bantuan sedemikian diberikan kepada, atau penyiasatan tersebut dijalankan oleh, sebuah agensi perundangan persekutuan, seorang ahli Kongres, atau seseorang kakitangan Syarikat yang bertugas menyelia atau yang mempunyai kuasa yang sama terhadap pekerja tersebut.

Walau bagaimanapun, sila ambil maklum bahawa pekerja yang membuat laporan atau menyediakan bukti yang mereka tahu adalah palsu atau tanpa keyakinan yang munasabah tentang kebenaran dan ketepatan maklumat sedemikian tidak akan dilindungi oleh Kod ini dan mungkin akan dikenakan tindakan disiplin, termasuk penamatan kerja mereka. Selain itu, melainkan sepertimana yang dikehendaki oleh undang-undang, Syarikat tidak membenarkan Kod ini digunakan bagi tujuan melindungi pekerja yang mendedahkan maklumat kerahsiaan di antara peguam dengan pelanggan, iaitu hak istimewa yang layak diterima oleh Syarikat atau ejen-ejennya di

bawah akta atau prinsip undang-undang am; atau bagi melindungi pekerja yang melanggar perjanjian kerahsiaan mereka berhubung rahsia perniagaan Syarikat. Pekerja yang berhasrat untuk memberi maklumat yang boleh melanggar hak istimewa ini atau yang mendedahkan rahsia perniagaan Syarikat dinasihatkan untuk mendapat nasihat guaman sebelum berbuat demikian.

Jika seseorang pekerja yakin bahawa dia telah dikenakan apa-apa tindakan yang melanggar Polisi ini, dia boleh membuat aduan terus kepada jabatan perundangan kami atau Jawatankuasa Audit Syarikat. Untuk menghubungi Jawatankuasa Audit kami atau untuk menyerahkan laporan kepada mereka, sila gunakan talian hotline yang tertera dalam bahagian terdahulu. Jika terbukti bahawa seseorang pekerja telah dikenakan sebarang tindakan tidak wajar yang boleh menjejaskan jawatan atau pekerjaannya dan yang jelas melanggar Kod ini, Syarikat akan mengambil langkah-langkah yang bersesuaian untuk membetulkan perkara ini.

**Penyiasatan mengenai Pelanggaran Kod yang Disyaki.** Sebarang pelanggaran undang-undang yang disyaki akan disiasat di bawah penyeliaan jabatan perundangan Syarikat atau kaunsel luar Syarikat, sepertimana yang dianggap wajar oleh jabatan perundangan tersebut. Pekerja hendaklah bekerjasama dalam penyiasatan pelanggaran undang-undang yang dilaporkan. Jika didapati praktikal dan bersesuaian dalam situasi tersebut, dan bagi melindungi privasi orang-orang yang terlibat, mereka yang menjalankan siasatan ini akan sedaya-upaya cuba untuk merahsiakan identiti pelapor atau orang-orang yang terlibat dalam penyiasatan tersebut. Walau bagaimanapun, mungkin berlaku situasi di mana maklumat ini perlu didedahkan sebagai sebahagian daripada penyiasatan kami.

Pekerja perlu menyedari bahawa jabatan perundangan Syarikat bertanggungjawab daripada segi undang-undang untuk bertindak bagi kepentingan terbaik Syarikat sebagai sebuah organisasi. Ia tidak bertindak sebagai peguam atau wakil peribadi untuk mana-mana pekerja, termasuk CEO kami. Lembaga Pengarah kami bertanggungjawab untuk pentafsiran muktamad Kod ini dan untuk menentukan sama ada sebarang pelanggaran Kod telah berlaku.

**Pelanggaran Kod.** Pelanggaran Kod ini akan dibalas dengan tindakan disiplin hingga menyebabkan, dan termasuk, penamatan kerja.

Tindakan disiplin yang bersesuaian akan diambil dengan serta-merta terhadap mana-mana pekerja yang cenderung untuk melanggar sebarang undang-undang atau peraturan persekutuan, negeri atau tempatan yang berkenaan, atau Kod ini atau versi masa hadapan Kod ini.

Antara lainnya, pekerja Syarikat boleh dikenakan tindakan disiplin akibat:

- melakukan, membenarkan, atau mengarahkan sesuatu tindakan yang menyalahi undang-undang.
- gagal untuk mempraktikkan pematuhan atau bertolak ansur terhadap tatakelakuan yang menyalahi undang-undang, bagi jawatan penyelia untuk pekerja Syarikat.
- gagal untuk melaporkan tatakelakuan perniagaan yang menyalahi undang-undang yang diketahui atau disaksikan secara langsung.
- mendorong pekerja lain daripada melaporkan pelanggaran undang-undang atau Kod ini.
- mendedahkan identiti individu yang melaporkan pelanggaran Kod ini dengan cara yang tidak wajar.
- melakukan atau mengizinkan tindakan balas terhadap mana-mana pekerja yang melaporkan pelanggaran Kod atau undang-undang.

Hakcipta © 2011 FalconStor Software, Inc. Semua Hakcipta Terpelihara. FalconStor Software, FalconStor, dan logo masing-masing adalah cap dagang atau cap dagang berdaftar FalconStor Software, Inc. di U.S. dan negara-negara lain. Semua syarikat dan nama-nama produk lain yang terkandung di sini mencerminkan cap dagang pemegang paten masing-masing.